

28 JUL 1997

DR M: KERAJAAN AKAN AMBIL TINDAKAN TERHADAP PENYANGAK MATAWANG

Oleh: Azman Hashim

KUALA LUMPUR, 28 Julai (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata kerajaan akan mengambil tindakan terhadap spekulator matawang yang disifatkannya sebagai "penyangak" tetapi tidak memberi butiran terperinci berhubung tindakan yang akan diambil.

"Kerajaan mempunyai beberapa idea tentang apa yang patut dilaksanakan tetapi ternyata kita tidak boleh menyiarkan apa yang akan dilakukan samalah seperti (hartawan Amerika George) Soros yang tidak menyiarkan apa yang beliau mahu laksanakan," katanya sebagai menjawab pertanyaan pemberita selepas dikunjungi rakan-rakan dialog Asean di Jabatan Perdana Menteri di sini.

Beliau menambah bahawa kerajaan terpaksa melindungi negara ini, jika tidak mereka ini (penyangak) akan mempermainkan ekonomi sesebuah negara tanpa dihukum dengan sewajarnya."

Sambil berkata bahawa tindakan kerajaan akan berdasarkan kepada tanggapannya, beliau menambah: "Apa yang kita boleh buat bergantung kepada tanggapan kita. Jika kita mengangap ini sebagai perbuatan jenayah, maka kita akan bertindak. Jika ia difikirkan sesuatu yang biasa, maka tiada tindakan akan diambil."

Dr Mahathir memberitahu bahawa beliau dan rakan-rakan dialog telah mengadakan rundingan pagi ini yang hampir berpusat kepada keadaan matawang.

"Saya memberi pendapat saya mengenai perkara ini dan mereka (rakan dialog) bertindak balas," katanya.

Beliau berkata sesetengahnya mencadangkan agar perkara itu dibangkitkan di Forum Kerjasama Ekonomi Asia-Pasifik (Apec) di Vancouver pada November ini manakala ada pula berkata ini adalah perkara biasa manakala yang lain juga mempunyai banyak pendapat tentang bagaimana hendak menangani masalah ini."

Ditanya sama ada beliau akan membangkitkan perkara ini di mesyuarat para pemimpin Apec, katanya: "Saya tidak tahu sama ada kita boleh membangkitkan perkara ini."

Dr Mahathir berkata Kesatuan Eropah terutamanya berminat dalam keadaan tukaran matawang yang lebih stabil memandangkan ia akan menjejaskan perdagangan.

"Kami semua bersetuju bahawa ia adalah keadaan yang mengejutkan. Ia memudaratkan semua pihak," tambahnya.

Ditanya sama ada beliau telah menyebut nama Soros, perdana menteri berkata: "Saya tidak menyebut namanya tetapi saya percaya mereka semua tahu siapa yang dimaksudkan." -- BERNAMA

AH MA/sia